



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives



## KENYATAAN MEDIA

### PKS DISERU CEBURI PERNIAGAAN SECARA DIGITAL

---

**KOTA KINABALU, SABAH, 21 September 2020** – YB. Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi hari ini menyeru agar usahawan di negeri ini dapat meneroka dan meningkatkan prestasi perniagaan mereka melalui transformasi digital. Gesaan ini disuarakan ketika menghadiri sesi dialog “Ke Arah Usahawan Digital” bersama usahawan dan TUBERs negeri Sabah.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2014, Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) dikenalpasti sebagai salah satu program keusahawanan bagi membantu melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan belia. Tahun lalu, hanya 579 belia dilatih berbanding 1,000 belia pada tahun 2020. Sehingga kini, program TUBE telah berjaya melatih sejumlah 5,346 belia untuk menceburi bidang perniagaan dan daripada jumlah tersebut, 4,952 usahawan belia (93%) telah mendaftarkan perniagaan dengan nilai jualan terkumpul sehingga Ogos 2020 bernilai RM127.1 juta. Program ini juga telah berjaya mewujudkan 10,540 peluang pekerjaan termasuk untuk peserta itu sendiri. Bagi negeri Sabah, sehingga kini, sejumlah 717 usahawan belia telah dilatih dan perniagaan yang dijalankan telah mewujudkan 1,158 peluang pekerjaan serta RM10.8 juta nilai jualan terkumpul.

Berdasarkan kaji selidik Digital PKS Malaysia yang dilaksanakan oleh SME Corp Malaysia dan Huawei Technologies Malaysia Sdn Bhd, majoriti PKS menggunakan komputer dan internet sebagai medium operasi perniagaan. Kaji selidik juga mendapati bahawa PKS masih menghadapi masalah untuk menambah baik operasi perniagaan

daripada pengkomputeran ke pendigitalan. Ini disebabkan PKS menghadapi isu dari segi kos, teknologi, infrastruktur dan kemahiran penggunaan digital dalam operasi syarikat. Namun demikian, PKS masih berpeluang untuk mengaplikasikan penggunaan digital dalam operasi perniagaan dengan memanfaatkan ciri-ciri teknologi yang mesra pengguna dan lebih kos efektif seperti penggunaan teknologi berasaskan 'cloud scalability' bagi memenuhi keperluan semasa syarikat.

Pada 2018, sektor ICT menyumbang sebanyak RM267.7billion atau 18.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Berdasarkan maklumat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sehingga 31 Januari 2020, sebanyak 271,176 entiti perniagaan telah berdaftar sebagai perniagaan atas talian. Ketika masyarakat global berdepan dengan pandemik Covid-19, sektor ini terus memainkan peranan sebagai penampan ekonomi negara.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

**21 SEPTEMBER 2020**